

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]
TARIKH : 16 MAC 2016
SOALAN :

YB Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan jumlah kes denggi setiap tahun sejak tahun 2010.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab pertanyaan berkenaan jumlah kes denggi dan kematian setiap tahun sejak tahun 2010 adalah seperti berikut:-

- 1) 2010:46,171 kes, 134 kematian
- 2) 2011: 19,884 kes, 36 kematian
- 3) 2012: 21,900 kes, 35 kematian
- 4) 2013: 43,346 kes, 92 kematian
- 5) 2014: 108,698 kes, 215 kematian
- 6) 2015 : 120, 836 kes, 336 kematian
- 7) 2016 :Januari sehingga 20 Februari 2016 sebanyak 22,518 kes, 51kematian

Mengenai situasi wabak denggi, terdapat peningkatan *tren* wabak bermula awal Januari 2016 hingga akhir Januari 2016, namun begitu *tren* ini menunjukkan penurunan bermula awal Februari dan berterusan sehingga pertengahan bulan Februari 2016. Untuk tempoh dari 14 Februari hingga 20 Februari 2016, sebanyak 1,121 lokaliti wabak denggi dilaporkan di seluruh negara Lima negeri yang menunjukkan lokaliti wabak tertinggi adalah Selangor 673 lokaliti, Johor 199 lokaliti, WP K.Lumpur dan Putrajaya 72 lokaliti, Perak 36 lokaliti dan Sabah 33 lokaliti. Manakala negeri-negeri lain melaporkan kurang daripada 30 lokaliti wabak.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menangani kes dan wabak denggi, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan pelbagai inisiatif seperti berikut:-

- i. Mengaktifkan Jawatankuasa Pasukan Petugas Khas Denggi Peringkat Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan, melibatkan kerjasama secara bersepadu Kementerian Kesihatan dengan enam (6) kementerian dan agensi.
- ii. Menubuhkan Pasukan Petugas Khas Denggi pada peringkat negeri yang dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar atau diwakilkan kepada Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan atau Exco Kesihatan dengan kerjasama pelbagai jabatan dan juga agensi.
- iv. Menjalankan aktiviti penguatkuasaan bersepadu di antara Kementerian Kesihatan, Lembaga Industri Pembinaan Malaysia

(CIDB), Pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan iaitu melalui Ops Gempur Aedes di tapak binaan.

- v. Meningkatkan kempen kesedaran mengenai Denggi dengan kerjasama Kementerian Komunikasi dan Multimedia melalui pelbagai program di stesen radio dan televisyen serta penggunaan media sosial seperti *Whatsapp* ,*twitter* dan *Facebook*.
- vi. Menjalin kerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia bagi memastikan sekolah bebas daripada pembiakan Aedes serta meningkatkan peranan pelajar sebagai "*change agent*" dalam pencegahan demam denggi. Selain itu, KKM juga bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Tinggi melalui penglibatan mahasiswa di lokaliti-lokaliti hotspot.
- vii. Kementerian Kesihatan turut menggalakkan penglibatan masyarakat dalam pencegahan denggi melalui penubuhan pasukan COMBI terutama di lokaliti wabak dan hotspot. Sehingga bulan Februari 2016, bilangan lokaliti COMBI di seluruh Negara adalah sebanyak 3,044 lokaliti.
- viii. Meningkatkan kerjasama dengan syarikat swasta melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR) dalam melaksanakan aktiviti pencegahan denggi melibatkan pelajar, contohnya program *Dengue*

Patrol dan menjalankan kempen Anti denggi oleh *Dengue Free Malaysian Movement*.

- ix. Menjalankan aktiviti pembersihan melibatkan kawasan tanah atau lot kosong dengan kerjasama kementerian dan lain-lain agensi. Aktiviti ini dijalankan secara berterusan dan dipantau untuk tempoh enam bulan sehingga kesemua tanah atau lot kosong telah dibersihkan. Sehingga Februari 2016, daripada keseluruhan 621 tanah lot kosong, sebanyak 484 (78%) telah dibersihkan.

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Kesihatan juga telah melaksanakan inisiatif baru iaitu seperti berikut :-

- i. Melakukan semburan *adulticiding* menggunakan racun jenis sintetikpiretroid dan organofosfat serta *larvaciding* menggunakan *Temephos* atau *Bacillus thuringiensis israelensis* (BTI) terutama di lokaliti hotspot sebagai aktiviti tambahan.
- ii. Memantapkan usaha memerangi denggi dengan melaksanakan teknik semburan *Outdoor Residual Spray* (ORS) untuk mengawal pembiakan nyamuk *Aedes* sejak 2015 di daerah Petaling, Hulu Langat, Gombak, Klang dan Johor Bahru. Pada tahun 2016, KKM member fokus kepada bangunan strata dalam melaksanakan semburan ORS.

Melalui pelbagai usaha yang dijalankan, terbukti terdapat penurunan kes denggi terutama selepas Operasi Mega dan Gotong Royong secara bersepadu. Walaubagaimanapun, penyakit demam denggi adalah di pengaruhi oleh pelbagai faktor seperti kebersihan persekitaran, mobilisasi penduduk, perubahan cuaca, perubahan serotaip virus denggi dan sikap masyarakat. Oleh kerana sifat penularan denggi yang "cyclical", kes boleh meningkat semula jika berlaku perubahan serotaip dan cuaca yang tidak boleh dikawal oleh manusia. Apa yang boleh dikawal ialah tahap kebersihan persekitaran yang menyumbang secara langsung terhadap penularan denggi. Sehubungan itu, peranan masyarakat adalah amat penting dalam memastikan persekitaran yang bersih serta bebas daripada tempat-tempat pembiakan Aedes.